

METODE PERBANDINGAN DESKRIPTIF DALAM PERBANDINGAN AGAMA: SUATU ANALISIS TERHADAP METODE AL-QURAN

Mohd Faizal Abdulkhair

PENDAHULUAN

Al-Quran merupakan sumber utama kepada umat Islam dalam setiap aspek kehidupannya. Sehubungan dengan itu, dalam membicarakan apa jua isu dan permasalahan maka al-Quran perlu sentiasa menjadi rujukan. Secara dasarnya, kajian terhadap agama dan ideologi dalam tradisi Islam telah dimulakan oleh al-Quran yang menyebut dan membincangkan tentang agama-agama terdahulu.¹ Al-Quran banyak menjelaskan mengenai agama Yahudi dan Kristian.² Bukan sekadar itu, al-Quran turut menyanggah kepercayaan orang Arab Jahiliyyah yang menyembah berhala³ dan golongan yang tidak mempercayai hari Pembalasan.⁴ Justeru, bagi sesetengah pengkaji, al-Quran diiktibar sebagai sebuah kitab yang amat menekankan tentang aspek Perbandingan Agama.⁵ Perbandingan yang dilakukan oleh al-Quran dilihat begitu tersusun berasaskan kepada metodologi tertentu. Kesenambungan daripada itu, artikel ini akan menyoroti satu aspek perbandingan yang penting iaitu Metode Perbandingan Deskriptif yang dikemukakan dalam al-Quran.

¹ Ruslani (2000) *Masyarakat Kitab dan Dialog Antaragama*, Yogyakarta: Yayasan Bentang Budaya, h. xxi. H.U. Hampir sepertiga al-Qur'an membahaskan tentang agama-agama lain dan dalam Surah al-Hajj (22): 17, al-Quran menyebutkan lima agama sekaligus. Lihat Dr. Muhammad Diya' al-Rahman al-A'zami (2003), *Dirasat fi al-Yahudiyyah wa al-Nasraniyyah wa Adyan al-Hind*, c. 2, Madinah: Maktabah al-Rushd, h. 16.

² Lihat sebagai contoh Surah al-Baqarah (2): 113, Surah al-Ma'idah (5): 51, 64, Surah al-Tawbah (9): 30 dan Surah Ali 'Imran (3): 67.

³ Lihat sebagai contoh Surah al-Ma'idah (5): 3, Surah al-An'am (6): 74, 108 dan Surah al-Najm (53): 19.

⁴ Lihat sebagai contoh Surah al-Jathiyah (45): 24 dan ayat-ayat menyentuh tentang kewujudan pencipta alam. Tuhan dengan pengertiannya sebagai sesuatu yang dipuja selain Allah dimulai dengan huruf kecil, manakala Tuhan dengan pengertiannya sebagai Allah Taala dimulai dengan huruf besar. Lihat Noresah bt. Bahrom *et al.* (2007), *Kamus Dewan*, ed. 4, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 1722.

⁵ Weibrecht, seorang sarjana barat menyatakan: "*No scripture in the world teaches such a comparative religion as the Quran*" Lihat Muhammad Azizan bin Sabjan (2000), "The People of the Book and the People of Dubious Book in Islamic Religious Tradition" (Tesis Phd, ISTAC, UIAM), h. 1.

DEFINISI METODE PERBANDINGAN DESKRIPTIF

Deskriptif ditakrifkan sebagai penghuraian berbentuk pernyataan terhadap aspek tertentu bagi agama yang berbeza.⁶ Dr. Alwi menyatakannya sebagai “menguraikan secara komprehensif aspek-aspek kesejarahan, struktur, doktrin dan lain-lain elemen tanpa terlibat dalam pemberian penilaian (*value judgment*).”⁷ Lebih mendalam dan mendasari metode ini timbul istilah *methodological atheism* yang telah digunakan oleh ahli sosiologi Peter Berger dan istilah *intellectual conversion*.⁸ Metode Perbandingan Deskriptif ini berlawanan dengan Metode Perbandingan Normatif. Perbezaan yang jelas antara kedua-dua metode ini adalah aspek penghujahan yang mendasari Metode Normatif dan ditinggalkan dalam Metode Deskriptif.

APLIKASI METODE PERBANDINGAN DESKRIPTIF TENTANG PERBANDINGAN AGAMA DALAM AL-QURAN

Aplikasi Metode Perbandingan Deskriptif dalam al-Quran dapat diperjelaskan seperti berikut:

1. Pernyataan tentang Agama dalam Persekitaran.

Al-Quran menyebutkan tentang agama-agama yang berada dalam persekitaran masyarakat ketika turunnya al-Quran. Dalam Surah al-Hajj, al-Quran menyatakan lima agama yang berada dalam persekitaran ketika dakwah Islam berkembang:

﴿ إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَالَّذِينَ هَادُوا وَالصَّٰبِئِينَ وَالنَّصْرِيَّةَ وَالْمَجُوسَ
وَالَّذِينَ أَشْرَكُوا لَرِئَٰسَ اللَّهِ يَفْصَلُ بَيْنَهُمْ يَوْمَ الْقِيٰمَةِ ۚ إِنَّ اللَّهَ عَلَىٰ
كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ ﴿١٧﴾ ﴾

Bahawasanya orang-orang yang beriman, dan orang-orang Yahudi, dan orang-orang Sabi'in, dan orang-orang Nasrani, dan orang-orang Majusi, serta orang-orang musyrik, sesungguhnya Allah akan memutuskan hukumNya di antara mereka pada hari kiamat, kerana sesungguhnya Allah sentiasa memerhati dan menyaksikan tiap-tiap sesuatu.

(Surah al-Hajj (22): 17)

⁶ Lihat beberapa keterangan tentang metode ini dalam Himayah, Mahmud 'Ali, (2001), *Ibn Hazm: Biografi, Karya dan Kajiannya Tentang Agama-agama*. Halid Alkaf (terj.), Jakarta: Lentera, h. 163, Dr. Alwi Shihab (1999), *Islam Inklusif Menuju Sikap Terbuka Dalam Beragama*, c. 6, Bandung: Penerbit Mizan, h. 46.

⁷ *Ibid.*

⁸ Dr. Alwi Shihab (1999), *op. cit.*, h. 46-47.

Secara langsung al-Quran berdepan dengan agama golongan Mushrikin yang menyembah berhala. Justeru itu al-Quran banyak menyebutkan tentang kepercayaan golongan ini⁹. Golongan lain yang turut menyembah patung seperti mana golongan Mushrikin Mekah turut dinyatakan dalam al-Quran:

﴿ وَإِنَّ إِلْيَاسَ لَمِنَ الْمُرْسَلِينَ ﴿١٢٣﴾ إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِ ۖ أَلَا تَتَّقُونَ ﴿١٢٤﴾
أَنْدَعُونَ بَعْلًا وَّتَذَرُونَ أَحْسَنَ الْخَالِقِينَ ﴿١٢٥﴾ ﴾

Sesungguhnya Nabi Ilyas adalah dari Rasul-rasul (Kami) yang diutus.124. (ingatkanlah peristiwa) Ketika dia berkata kepada kaumnya: “Hendaklah kamu mematuhi suruhan Allah dan menjauhi laranganNya. 125. “Patutkah kamu menyembah berhala Ba’la, dan kamu meninggalkan (Ibadat kepada) sebijak-bijak pencipta?

(Surah al-Saffat: 123-125)

Malah al-Quran turut menyatakan kepercayaan orang yang tidak mempercayai hari Kebangkitan yang wujud dalam persekitaran Mekah ketika itu:

﴿ وَقَالُوا مَا هِيَ إِلَّا حَيَاتُنَا الدُّنْيَا نَمُوتُ وَنَحْيَا وَمَا يُهْلِكُنَا إِلَّا الدَّهْرُ وَمَا لَهُمْ بِذَلِكَ مِنْ عِلْمٍ إِنْ هُمْ إِلَّا يَظُنُّونَ ﴿٢٤﴾ ﴾

Mereka berkata: «Tiadalah hidup yang lain selain daripada hidup kita di dunia ini. kita mati dan kita hidup (silih berganti); dan tiadalah yang membinasakan kita melainkan edaran zaman». Pada hal mereka tidak mempunyai sebarang pengetahuan tentang hal itu; mereka hanyalah menurut sangkaan semata-mata.

(Surah al-Jathiyah: 24)¹⁰

Di samping itu, kepercayaan-kepercayaan yang mempunyai hubungan dengan masyarakat tanah Arab turut diberikan perhatian seperti kepercayaan golongan yang menyembah Matahari:

﴿ وَجَدْتُهُمْ وَقَوْمَهَا يَسْجُدُونَ لِلشَّمْسِ مِنْ دُونِ اللَّهِ وَزَيْنَ لَهُمُ الشَّيْطَانُ أَعْمَالَهُمْ فَصَدَّهُمْ عَنِ السَّبِيلِ فَهُمْ لَا يَهْتَدُونَ ﴿٢٤﴾ ﴾

Aku dapati raja perempuan itu dan kaumnya sujud kepada matahari dengan meninggalkan ibadat

⁹ Lihat sebagai contoh Surah al-Najm: 18-23, Surah al-Najm: 27.

¹⁰ Lihat juga al-An’am: 29 dan al-Mu’minun: 37.

menyembah Allah, dan Syaitan pula memperelokkan pada pandangan mereka perbuatan (syirik) mereka, lalu menghalangi mereka dari jalan (yang benar); oleh itu mereka tidak beroleh petunjuk.¹¹

(Surah al-Naml: 24)

Dapat disimpulkan bahawa al-Quran memberikan perhatian terhadap agama-agama yang relevan dengan keadaan masyarakat dakwah ketika itu. Sehubungan dengan itu, al-Quran meninggalkan perbincangan tentang agama-agama yang terlampau asing kepada golongan *mad'u* seperti kepercayaan orang Yunani, India dan China.

2. Melakukan pembahagian

Al-Quran telah mengklasifikasikan pengikut agama kepada beberapa bahagian tertentu. Ini dapat dilihat – sebagai contoh – dalam kenyataan al-Quran:

﴿لَيْسُوا سَوَاءً مِّنْ أَهْلِ الْكِتَابِ أُمَّةٌ قَائِمَةٌ يَتْلُونَ آيَاتِ اللَّهِ
ءَانَاءَ اللَّيْلِ وَهُمْ يَسْجُدُونَ﴾ (١١٣)

Ahli-ahli Kitab itu tidaklah sama. Di antara mereka ada golongan yang (telah memeluk Islam dan) tetap (berpegang kepada ugama Allah yang benar) mereka membaca ayat-ayat Allah (Al-Quran) pada waktu malam, semasa mereka sujud (mengerjakan sembahyang).

(Surah Ali 'Imran: 113)¹²

Walaupun ayat ini diturunkan bagi menerangkan sekumpulan Ahli Kitab yang beriman¹³, namun ia turut memberikan petunjuk bahawa adanya sebahagian daripada golongan Ahli Kitab mempunyai kesediaan untuk menerima Islam dan ajaran Muhammad SAW. Pembahagian ini amat jelas bilamana al-Quran mengekalkan

¹¹ Ayat ini menerangkan tentang kepercayaan Kaum Saba' di bawah pemerintahan Ratu Balqis yang menyembah matahari. Lihat Ibn 'Ashur (t.t.), *al-Tahrir wa al-Tanwir*, T.T.P.: T. P., j. 10, h. 266 dan al-Baydawi, 'Abd Allah bin 'Umar (1998), *Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta'wil*, Beirut: Dar al-Ihya' al-Turath al-'Arabi, j. 4, h. 158.

¹² Lihat juga Ali 'Imran: 199 yang menceritakan tentang golongan Ahli Kitab yang baik. Lihat juga Surah al-Ma'idah: 6 dan Surah al-Nisa': 55.

¹³ Lihat Asbab al-Nuzul dalam Ibn Kathir Abi al-Fida' (2000), *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, 15 j., Jizah: Maktabah al-Qurtubah, j. 3, h. 161-162. Al-Zamakhshari secara pasti menyatakan: "Tidaklah Ahli Kitab itu sama." Lihat Al-Zamakhshari, Mahmud bin 'Umar (1998), *al-Kashshaf 'An Wujuh al-Ta'wil wa 'Uyun al-Aqawil*, 5 j., Riyad: Maktabah 'Abikan, j. 1, h. 611.

panggilan Ahli Kitab dalam ayat di atas.¹⁴

3. Pernyataan persamaan¹⁵

Al-Quran melakukan Perbandingan Deskriptif dengan memperlihatkan persamaan yang ada antara agama-agama. Antaranya al-Quran menyatakan persamaan antara kepercayaan yang ada dalam agama Islam dengan Ahli Kitab¹⁶:

﴿قُلْ يَا أَهْلَ الْكِتَابِ تَعَالَوْا إِلَى كَلِمَةٍ سَوَاءٍ بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ أَلَّا نَعْبُدَ إِلَّا اللَّهَ وَلَا نُشْرِكَ بِهِ شَيْئًا وَلَا يَتَّخِذَ بَعْضُنَا بَعْضًا أَرْبَابًا مِّن دُونِ اللَّهِ فَإِن تَوَلَّوْا فَقُولُوا اشْهَدُوا بِأَنَّا مُسْلِمُونَ ﴿٦٤﴾﴾

Katakanlah (Wahai Muhammad): «Wahai Ahli Kitab, marilah kepada satu kalimah yang bersamaan antara kami dengan kamu, iaitu kita semua tidak menyembah melainkan Allah, dan kita tidak sekutukan dengannya sesuatu jua pun; dan jangan pula sebahagian dari kita mengambil akan sebahagian yang lain untuk dijadikan orang-orang yang dipuja dan didewa-dewakan selain dari Allah». Kemudian jika mereka (Ahli Kitab itu) berpaling (enggan menerimanya) maka katakanlah kepada mereka:»Saksikanlah kamu bahawa sesungguhnya kami adalah orang-orang Islam».

(Surah Ali 'Imran: 64)

Al-Quran menyeru golongan Kristian dan Yahudi agar berpegang dengan ajaran Tawhid yang sama antara Islam dan agama mereka sebagaimana dinyatakan dalam Perjanjian Lama¹⁷ dan Perjanjian Baru.¹⁸ Justeru, walaupun dimaklumi bahawa akidah Yahudi dan Kristian pada ketika turunnya al-Quran telah terpesong, namun al-Quran masih cuba untuk memperlihatkan persamaan

¹⁴ Penklasifikasian atau pengsektoran dalam agama dilihat amat relevan kerana setiap agama mempunyai mazhab dan pandangan yang pelbagai terutamanya bagi mentafsirkan nas-nas agama tersebut. Osman Bakar, Ucaptama yang dibentangkan di Persidangan Antarabangsa Ketamadunan Islam II anjuran Kolej Islam Darul Ridzuan di Kuala Kangsar pada 2hb Disember 2009.

¹⁵ Pernyataan persamaan dalam al-Quran boleh dilihat dari sudut persamaan konseptual dan persamaan dari sudut persamaan semata-mata.

¹⁶ Islam adalah agama asal bagi bangsa Yahudi sebagaimana dinyatakan:

﴿وَوَصَّىٰ بِهَا إِبْرَاهِيمَ بَنِيهِ وَيَعْقُوبَ بَنِيَّ إِنَّ اللَّهَ اصْطَفَىٰ لَكُمْ الدِّينَ فَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ ﴿١٣٠﴾﴾

Surah al-Baqarah: 132

¹⁷ Lihat sebagai contoh Exodus 20: 3.

¹⁸ Lihat sebagai contoh Gospel John 17:3.

yang ada antara ketiga-tiga agama tersebut. Sememangnya terbukti bahawa persamaan itu ada termaktub dalam kitab suci mereka.¹⁹

Al-Quran turut menyatakan persamaan antara agama Islam dan beberapa sudut dalam kepercayaan kafir Quraysh yang mengimani kewujudan Tuhan sebagai pencipta:

﴿وَلَمَّا سَأَلْتَهُمْ مَنْ خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَسَخَّرَ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ لَيَقُولُنَّ اللَّهُ فَأَنَّى يُؤْفَكُونَ﴾ (٦١)

Sesungguhnya jika engkau (Wahai Muhammad) bertanya kepada mereka (yang musyrik) itu: «Siapakah yang menciptakan langit dan bumi, dan yang memudahkan matahari dan bulan (untuk faedah makhluk-makhlukNya)?» Sudah tentu mereka akan menjawab: «Allah». Maka bagaimana mereka tergamak dipalingkan (oleh hawa nafsunya daripada mengakui keesaan Allah dan mematuhi perintahNya)?

(Surah al-‘Ankabut: 61)²⁰

Al-Quran al-Karim turut menyatakan persamaan antara orang Yahudi dan Kristian:

﴿وَقَالَتِ الْيَهُودُ وَالنَّصَارَىٰ نَحْنُ أَبْنَاءُ اللَّهِ وَأَحِبُّهُ ۗ قُلْ فَلِمَ يُعَذِّبُكُمْ بِذُنُوبِكُمْ بَلْ أَنْتُمْ بَشَرٌ مِّمَّنْ خَلَقَ يَغْفِرُ لِمَن يَشَاءُ وَيُعَذِّبُ مَن يَشَاءُ ۗ وَلِلَّهِ مُلْكُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَمَا بَيْنَهُمَا وَإِلَيْهِ الْمَصِيرُ﴾ (١٨)

Orang-orang Yahudi dan Nasrani berkata: «Kami adalah anak-anak Allah dan yang amat disayangiNya». Katakanlah (Wahai Muhammad): «(Kalau betul demikian), Maka mengapakah Dia menyiksa kamu dengan sebab dosa-dosa kamu? (Sebenarnya bukanlah sebagaimana yang kamu dakwakan) bahkan kamu semuanya adalah manusia biasa di antara manusia-manusia lain yang diciptakanNya. ia mengampunkan bagi sesiapa yang dikehendakiNya (menurut aturan serta hukum SyariatNya), demikian juga ia menyiksa sesiapa yang dikehendakiNya. (Ingatlah) bagi Allah jualah kuasa pemerintahan langit dan bumi serta segala

¹⁹ Lihat Hamka (2003) c. 5, *Tafsir al-Azhar*, Singapore: Pustaka Nasional, j. 2, h. 798.

²⁰ Lihat juga kenyataan yang sama dalam Surah al-Tawbah: 65, Surah al-‘Ankabut: 63, Surah Luqman: 65, Surah al-Zumar: 38, Surah al-Zukhruf: 9 dan 87.

yang ada di antara keduanya, dan kepada Allah jualah tempat kembali»

(Surah al-Ma'idah: 18)²¹

Dalam ayat di atas, al-Quran menjelaskan persamaan antara golongan Yahudi dan Kristian yang mendakwa mereka adalah anak Tuhan dari sudut hubungan dan kedudukan istimewa mereka di sisi Tuhan.²²

Al-Quran turut menyatakan persamaan antara golongan-golongan yang menentang Islam dengan beberapa sifat antaranya kekufuran mereka²³:

﴿ وَقَالَ الَّذِينَ لَا يَعْلَمُونَ لَوْلَا يُكَلِّمُنَا اللَّهُ أَوْ تَأْتِينَا آيَةٌ كَذَلِكَ قَالَ الَّذِينَ مِنْ قَبْلِهِمْ مِثْلَ قَوْلِهِمْ تَشَبَهَتْ قُلُوبُهُمْ قَدْ بَيَّنَّا الْآيَاتِ لِقَوْمٍ يُوقِنُونَ ﴾ (118)

(Orang-orang musyrik) yang tidak berilmu pengetahuan, berkata: «Alangkah eloknya kalau Allah berkata-kata dengan Kami (mengenai kebenaran Muhammad) atau datang kepada Kami sesuatu keterangan (mukjizat)?» Demikian pula orang-orang (kafir) yang terdahulu dari mereka pernah berkata seperti yang dikatakan oleh mereka; hati mereka (sekaliannya) adalah bersamaan (degil dan kufur). Sesungguhnya Kami telah pun menerangkan ayat-ayat keterangan (yang menjadi dalil dan bukti) kepada kaum yang mahu percaya dengan yakin.

(Surah al-Baqarah: 118)

Persamaan antara Ahli Kitab dan Mushrikin berkenaan sikap penentangan terhadap orang-orang Islam turut diketengahkan dalam ayat-ayat yang lain antaranya:

﴿ تَتَّبِعُونَ فِيْ اَمْوَالِكُمْ وَاَنْفُسِكُمْ وَاَنْتُمْ تَسْمَعُونَ مِنْ ﴾

²¹ Lihat juga Surah al-Ma'idah: 77, 80

²² Ibn Kathir Abi al-Fida' (2000), *op. cit.*, j. 5, h. 137. Lihat juga pelbagai pandangan terhadap persamaan antara Yahudi dan Krisitian berkenaan tafsiran anak Tuhan dalam al-Razi, Muhammad bin 'Umar (t.t.), *al-Tafsir al-Kabir*, 27 j., c.2, Tehran: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, j. 11, h. 196-197.

²³ Al-Qurtubi, Muhammad bin Ahmad (2000), *al-Jami' Li Ahkam al-Qur'an*, 18 j., Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, j. 2, h. 64. Rashid Rida menyatakan "...sesungguhnya kekufuran itu aliran (*millah*) yang satu. Ini adalah kerana kebenaran itu satu dan yang menyalahi kebenaran itu semuanya adalah kebatilan..." Muhammad Rashid Rida (1999) *Tafsir al-Qur'an al-Hakim*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyya, j. 1, h. 357.

الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ مِنْ قَبْلِكُمْ وَمِنَ الَّذِينَ أَشْرَكُوا أَذَى
كَثِيرًا وَإِنْ تَصْبِرُوا وَتَتَّقُوا فَإِنَّ ذَلِكَ مِنْ عَزْمِ الْأُمُورِ ﴿١٨٦﴾

Demi sesungguhnya, kamu akan diuji pada harta benda dan diri kamu. dan demi sesungguhnya, kamu akan mendengar dari orang-orang yang telah diberikan Kitab dahulu daripada kamu dan orang-orang yang musyrik: banyak (tuduhan-tuduhan dan cacian) yang menyakitkan hati. Dalam pada itu, jika kamu bersabar dan bertaqwa maka sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat (melakukannya).

(Surah Ali 'Imran: 186)²⁴

Dapat dirumuskan bahawa al-Quran melihat persamaan antara agama dalam pelbagai aspek samada dari sudut doktrin agamanya, hubungan dengan agama lain dan lain-lain aspek sosial yang melingkari sesuatu agama tersebut.

4. Penyataan perbezaan

Secara asasnya al-Quran menyatakan perbezaan antara orang Islam dan orang Kafir dengan menjadikan orang Islam sebagai ahli syurga dan orang bukan Islam sebagai ahli neraka:

﴿لَا يَسْتَوِي أَحَبُّ النَّارِ وَأَحَبُّ الْجَنَّةِ أَصْحَابُ الْجَنَّةِ هُمْ
الْفَائِزُونَ﴾ ﴿٢٠﴾

*Tidaklah sama ahli neraka dan ahli Syurga; ahli Syurgalah orang-orang yang beroleh kemenangan (mendapat segala yang diinginkan).*²⁵

(Surah al-Hashr: 20)

²⁴ Tiga golongan; Yahudi, Kristian dan golongan Mushrikin sama-sama memusuhi Nabi SAW kerana ketiga-tiga golongan ini berpegang dengan tiga akidah batil yang sama dari sudut kesyirikannya. Lihat al-Razi, Muhammad bin 'Umar (t.t.), *op. cit.*, j. 9, h. 132. Ayat ini turun bilamana Funhas al-Yahudi enggan membantu Nabi SAW ketika baginda menghantar Abu Bakar r.a. bagi mendapatkan bantuan mereka. Justeru, ia menunjukkan persamaan antara golongan Yahudi dan mushrikin yang ingin menjatuhkan Islam. Lihat Ibn 'Adil al-Hanbali (1998), *al-Lubab fi 'Ulum al-Kitab*, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, j. 6, h. 101.

²⁵ Sayyid Qutb menjelaskan; "Kedua-dua kumpulan ini tidak sama secara tabii dan keadaannya, tidak sama juga dari sudut jalan dan cara, tidak juga halatuju dan tujuan. Kedua-duanya atas dua jalan yang berbeza, tidak bertemu sama sekali. Tidak akan bertemu sama sekali atas apa jua bentuk pun. Tidak akan bertemu sama sekali atas garisan yang satu. Tidak akan bertemu sama sekali pada cara berpolitiknya. Tidak akan bertemu sama sekali dalam satu saff di dunia dan tidak juga di akhirat." Sayyid Qutb (t.t.), *Fi Zilal al-Qur'an*, T.T.P.: T. P., j. 7, h. 171.

Sehubungan dengan itu, al-Quran turut menyatakan perbezaan dari sudut balasan:

﴿ فَأَمَّا الَّذِينَ كَفَرُوا فَأَعَذِبُهُمْ عَذَابًا شَدِيدًا فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَمَا لَهُمْ مِنْ نَاصِرِينَ ﴿٥٦﴾ وَأَمَّا الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ فَيُوَفِّيهِمْ أُجُورَهُمْ وَاللَّهُ لَا يَجِبُ الظَّالِمِينَ ﴿٥٧﴾ ﴾

Adapun orang-orang kafir; maka Aku (Allah) akan menyiksa mereka Dengan azab Yang amat berat di dunia dan di akhirat, dan mereka pula tidak akan beroleh sesiapa pun Yang dapat menolong.57. Adapun orang-orang Yang beriman dan mengerjakan amal-amal soleh, maka Allah akan menyempurnakan pahala mereka; dan (ingatlah), Allah tidak suka kepada orang-orang Yang zalim.²⁶

(Surah Ali 'Imran: 56-57)

Al-Quran turut menyatakan perbezaan dari sudut tujuan peperangan antara orang Islam dan kafir:

﴿ الَّذِينَ ءَامَنُوا يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِ اللَّهِ وَالَّذِينَ كَفَرُوا يُقَاتِلُونَ فِي سَبِيلِ الطَّاغُوتِ فَقَاتِلُوا أَوْلِيَاءَ الشَّيْطَانِ إِنَّ كَيْدَ الشَّيْطَانِ كَانَ ضَعِيفًا ﴿٧٦﴾ ﴾

Orang-orang yang beriman, berperang pada jalan Allah; dan orang-orang yang kafir pula berperang pada jalan Taghut (Syaitan). oleh sebab itu, perangilah kamu akan pengikut-pengikut Syaitan itu, kerana sesungguhnya tipu daya Syaitan itu adalah lemah.

(Surah al-Nisa': 76)

Al-Quran turut menyatakan bahawa secara umumnya terdapat perbezaan syariat di antara pengikut Nabi yang berlainan:

﴿ لِكُلِّ جَعَلْنَا مِنْكُمْ شِرْعَةً وَمِنْهَاجًا ﴾

Bagi tiap-tiap umat Yang ada di antara kamu, Kami jadikan (tetapkan) suatu syariat dan jalan ugama (yang wajib diikuti oleh masing-masing).

(Surah al-Ma'idah: 48)

²⁶ Lihat penggunaan *uslub balaghah* yang cukup mendalam bagi membezakan antara dua golongan ini dalam Abu Hayyan al-Andalusi (1995) *Al-Nahr al-Mad min al-Bahr al-Muhit*, Beirut: Dar al-Jayl, j. 1, h. 491.

Ibn Kathir menjelaskan bahawa "Ini adalah perkhayaban tentang umat-umat yang berbeza agama disebabkan oleh perutusan Rasul-rasul dengan syariat-syariat yang berbeza..."²⁷

Al-Quran turut menyatakan perbezaan bentuk hubungan antara orang Islam dengan beberapa kumpulan daripada orang bukan Islam:

﴿لَتَجِدَنَّ أَشَدَّ النَّاسِ عَدُوًّا لِلَّذِينَ ءَامَنُوا ٱلْيَهُودَ ٱلَّذِينَ
 أَشْرَكُوا وَلَتَجِدَنَّ أَقْرَبَهُم مَّوَدَّةً لِلَّذِينَ ءَامَنُوا ٱلَّذِينَ
 قَالُوا إِنَّا نَصْرِيْكَ ذَٰلِكَ بِأَنَّ مِنْهُمْ قِسِيْصِيْنَ وَرُهْبَانَا
 وَأَنَّهُمْ لَا يَسْتَكْبِرُونَ﴾ (٨٢)

Demi sesungguhnya engkau (Wahai Muhammad) akan dapati manusia yang keras sekali permusuhanannya kepada orang-orang Yang beriman ialah orang-orang Yahudi dan orang-orang musyrik. dan demi sesungguhnya engkau akan dapati orang-orang yang dekat sekali kasih mesranya kepada orang-orang yang beriman ialah orang-orang yang berkata: «Bahawa Kami ini ialah orang-orang Nasrani» Yang demikian itu, disebabkan ada di antara mereka pendita-pendita dan ahli-ahli ibadat, dan kerana mereka pula tidak berlaku sombong.

(Surah al-Ma'idah: 82)

Walau pun ayat ini diturunkan menerangkan tentang golongan Kristian yang beriman dengan Muhammad SAW²⁸, namun tidak dapat dinafikan bahawa golongan Kristian mempunyai hubungan yang jauh lebih dengan orang Islam berbanding orang Yahudi.²⁹

²⁷ Ibn Kathir Abi al-Fida' (2000), *op. cit.*, j. 5, h. 248. Al-Maraghi menjelaskan hikmah perbezaan syariat: "yang mana syariat-syariat berbentuk praktikal berbeza berdasarkan perbezaan keadaan masyarakat, tabiat manusia dan kesediaan mereka. Sesungguhnya para rasul keseluruhannya bersepakat atas usul agama iaitu mentawhidkan Allah dan mengikhhlaskan diri untukNya ketika sendirian ataupun terangan dan menyerahkan diri kepadaNya. Al-Maraghi (1998), *Tafsir al-Maraghi*, Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, j. 2, h. 447.

²⁸ *Ibid.*, j. 5, h. 311.

²⁹ Al-Razi menyatakan sebab perbezaan tersebut antara lain kerana orang Yahudi begitu tamakkan dunia berbeza dengan golongan Kristian yang menolak dunia pada dasar ajarannya. Orang yang menolak dunia memberikan kesan kepada jiwanya untuk tidak bersifat dengki dan menyakiti manusia lain. Lihat al-Razi, Muhammad bin 'Umar (t.t.), *op. cit.*, j. 12, h. 71. Ibn Kathir menjelaskan bahawa hubungan yang keras yang lahir daripada Yahudi kerana disebabkan oleh kekufuran mereka yang bersifat penentangan sedangkan kekufuran Kristian disebabkan kesesatan mereka memilih jalan. Lihat Ibn Kathir Abi al-Fida' (2000), *op. cit.*, j. 5, h. 311.

Dapat dirumuskan bahawa al-Quran melihat perbezaan antara agama dalam pelbagai aspek samada dari sudut doktrin agamanya, hubungan dengan agama lain dan lain-lain aspek sosial yang melingkari sesuatu agama tersebut.

5. Penyataan dengan Komentari

Al-Quran menyatakan sesuatu agama kemudiannya disertakan komentar terhadap agama tersebut. Sebagai contoh:

﴿ وَقَالَتِ الْيَهُودُ عُزَيْرٌ ابْنُ اللَّهِ وَقَالَتِ النَّصْرَى الْمَسِيحُ ابْنُ اللَّهِ ذَلِكَ قَوْلُهُمْ بِأَفْوَاهِهِمْ يُضَاهِئُونَ قَوْلَ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ قَبْلُ قَالَهُمْ اللَّهُ أَنْفٌ يُؤْفَكُونَ ﴾

Orang-orang Yahudi berkata: «Uzair ialah anak Allah» dan orang-orang Nasrani berkata: «Al-Masih ialah anak Allah». Demikianlah perkataan mereka dengan mulut mereka sendiri, (Iaitu) mereka menyamai perkataan orang-orang kafir dahulu; semoga Allah binasakan mereka. Bagaimanakah mereka boleh berpaling dari kebenaran?

(Surah al-Tawbah: 30)

Ayat di atas memperlihatkan analisis perbandingan yang dikemukakan oleh al-Quran terhadap agama Yahudi dan Kristian. Seterusnya analisis tersebut disertai dengan komentar al-Quran yang menyatakan kepercayaan dalam kedua-dua agama tersebut menyamai pandangan orang kafir sebelum mereka³⁰ dan mereka akan menerima balasan buruk dari Allah Taala.

Dapat disimpulkan bahawa al-Quran tidak membiarkan sahaja akidah yang batil dinyatakan tanpa diberikan komentar yang sewajarnya. Ini juga memperlihatkan bagaimana al-Quran cuba menyampaikan mesej murni ajaran Islam dalam perbincangan tentang agama.

6. Penyataan dengan Penafian

Al-Quran menyatakan kepercayaan dalam sesuatu agama kemudiannya diikuti dengan penafian al-Quran terhadap kepercayaan tersebut³¹:

³⁰ Al-Baydawi, 'Abd Allah bin 'Umar (1998), *op. cit.*, j. 3, h. 78.

³¹ Lihat juga antara contoh dalam Surah al-Nahl: 57, Surah Maryam: 89-92, Surah al-Anbiya': 26, Surah al-Saffat: 158-159, Surah al-Baqarah: 116.

﴿ وَجَعَلُوا لِلَّهِ شُرَكَاءَ الْجِنَّ وَخَلَقَهُمْ وَخَرَفُوا لَهُ بَنِينَ وَبَنَاتٍ بِغَيْرِ عِلْمٍ
سُبْحَانَ اللَّهِ وَتَعَالَى عَمَّا يُصِفُونَ ﴿١٠٠﴾ ﴾

Mereka menjadikan jin sekutu bagi Allah, padahal Allah jualah yang mencipta jin-jin itu; dan mereka berdusta terhadap Allah dengan mengada-adakan baginya anak-anak lelaki dan anak-anak perempuan, dengan tidak berdasarkan sebarang pengetahuan. Maha suci Allah dan Maha Tinggilah ia dari apa yang mereka sifatkan!³²

(Surah al-An'am: 100)

Penafian yang dilakukan al-Quran menunjukkan bahawa al-Quran tidak membiarkan sahaja kepercayaan yang batil yang dinukilkan itu. Bagi memastikan bahawa kebatilan itu jelas kebatilannya, maka al-Quran menafikannya dan dalam banyak keadaan al-Quran membuktikan kebatilan tersebut dengan hujah-hujah yang dikemukakan.

7. Penyataan Koreksi

Al-Quran membetulkan kandungan dalam kitab suci agama lain tanpa menyatakannya secara langsung. Namun begitu, apabila diteliti kenyataan dalam kitab suci tersebut dan dibandingkan dengan kenyataan al-Quran, maka akan didapati al-Quran melakukan pembetulan terhadap fakta yang dikemukakan dalam teks agama tersebut. Sebagai contoh kenyataan dalam Perjanjian Lama³³:

By the seventh day God had finished the work he had been doing; so on the seventh day he rested from all his work. Then God blessed the seventh day and made it holy, because on it he rested from all the work of creating that he had done.³⁴

Kenyataan yang menunjukkan Tuhan berehat pada hari ketujuh dalam agama Yahudi dan Kristian diperbetulkan dengan kenyataan

³² Al-Quran menggunakan perkataan *Subhanah* bagi menafikan kepercayaan yang batil terhadap Tuhan sebanyak 14 kali. Lihat 'Abd al-Baqi, Muhammad Fu'ad (1997), *al-Mu'jam al-Mufahris Li Alfaz al-Qur'an al-Karim*, c. 4, Beirut: Dar al-Fikr h. 431. Penafian menggunakan perkataan *Subhanah* mempunyai unsur *balaghah* yang begitu tinggi dari sudut penafiannya. Lihat al-Alusi (2000), *Ruh al-Ma'ani*, Lubnan: Dar Ihya' al-Turath, j. 8, h. 316.

³³ Bandingkan juga antara Genesis 32: 24-30 dan Surah al-Hajj 74. Lihat juga bagaimana al-Quran membetulkan kepercayaan orang Yahudi dan Kristian yang menuduh Harun a.s. menyokong pembuatan patung anak lembu dalam Exodus 32: 1-2. Al-Quran membetulkannya dalam beberapa tempat antaranya dalam Surah Taha: 85-88

³⁴ Genesis 2: 2-3

yang memperlihatkan kekuasaan Tuhan yang tidak memerlukan kepada rehat³⁵:

﴿وَلَقَدْ خَلَقْنَا السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَمَا بَيْنَهُمَا فِي سِتَّةِ أَيَّامٍ
وَمَا مَسَّنَا مِنْ لُغُوبٍ﴾^(٣٨)

Demi sesungguhnya! Kami telah menciptakan langit dan bumi serta segala yang ada di antara keduanya dalam enam masa, dan Kami tidak mengalami sebarang susah payah.

(Surah Qaf: 38).

Dapat disimpulkan bahawa sekalipun al-Quran tidak mengemukakan penghujahan secara langsung terhadap kesilapan dan kebatilan yang terdapat dalam ajaran agama lain, namun pernyataan al-Quran dibuat bagi membetulkan kesilapan dan kebatilan tersebut sekiranya diteliti dan diperhalusi.

RUMUSAN

Dalam perbahasan-perbahasan yang telah dikemukakan di atas dapat dirumuskan bahawa al-Quran al-Karim telah menggunakan Metode Perbandingan Deskriptif dalam pernyataannya terhadap agama-agama yang dibincangkan. Namun begitu, Perbandingan Deskriptif yang dilakukan disertai dengan ulasan-ulasan tertentu yang berbeza dengan Perbandingan Deskriptif yang dilakukan tanpa apa-apa ulasan yang diberikan samada secara langsung atau tidak langsung. Sehubungan dengan itu, dapat disimpulkan bahawa Metode Perbandingan Deskriptif perlu dibahagikan kepada dua bahagian; Metode Perbandingan Deskriptif Mutlak dan Metode Perbandingan Deskriptif Analisis. Metode Perbandingan Deskriptif Analisis dapat diertikan sebagai penghuraian terhadap agama-agama dengan beberapa bentuk ulasan mendatar (tidak berbentuk penghujahan). Manakala Metode Perbandingan Deskriptif Mutlak pula adalah penghuraian terhadap agama-agama semata-mata dalam bentuk pernyataan tanpa mengemukakan apa-apa ulasan.³⁶ Perlu dipertegaskan bahawa al-Quran sama sekali tidak menggunakan Metode

³⁵ Lihat *asbab al-nuzul* yang diriwayatkan daripada Qatadah. Ia memperjelaskan bagaimana al-Quran membetulkan kepercayaan Yahudi yang menjadikan Tuhan itu letih dan berehat pada hari ketujuh selepas penciptaan alam ini selama enam hari. Lihat Ibn Kathir Abi al-Fida' (2000), *op. cit.*, j. 13, h. 202. Lihat juga al-Baydawi, 'Abd Allah bin 'Umar (1998), *op. cit.*, j. 5, h. 144.

³⁶ Karya yang melambangkan pengaplikasian metode ini sepenuhnya adalah *Tahqiq Ma Li al-Hind Min Maqulah Maqbulah fi al-'Aql aw Mardhulah* karya al-Biruni. Lihat al-Biruni Muhammad bin Ahmad (1983) *Tahqiq Ma Li al-Hind Min Maqulah Maqbulah fi al-'Aql aw Mardhulah*, Beirut: 'Alam al-Kutub, h. 16.

Perbandingan Deskriptif Mutlak³⁷ dalam perbahasannya tentang agama-agama tetapi ia secara konsisten menggunakan Metode Perbandingan Deskriptif Analisis.³⁸

Hakikatnya Metode Perbandingan Deskriptif Mutlak jika diteliti dengan mendalam tidak dapat dinamakan sebagai suatu bentuk perbandingan. Ini berasaskan kepada makna perbandingan yang memerlukan kepada sekurang-kurangnya dua komponen untuk dibandingkan. Melihat dari sudut pemaknaan bahasa Melayu, Metode Perbandingan Deskriptif Mutlak juga tidak menepati pengertian 'perbandingan' dalam kosakata bahasa Melayu kerana *Kamus Dewan* menyatakan erti 'membandingkan' adalah melihat persamaan dan perbezaan antara dua benda'.³⁹ Oleh kerana apa yang disebutkan sebagai Metode Perbandingan Deskriptif Mutlak hanya menumpukan kepada satu agama sahaja dalam satu-satu perbahasan topiknya, lantas penggunaan 'perbandingan' sebagai namanya amat tidak sesuai. Metode ini juga turut dikritik kerana dikhuatiri akan menjerumuskan pembaca dengan pemikiran yang salah dalam benak fikirannya. Al-Fakhr al-Razi ketika mengkritik karya *al-Milal* oleh al-Shahrastani kerana banyak menggunakan Metode Perbandingan Deskriptif Mutlak.⁴⁰ Penulisan menggunakan metode deskriptif mutlak boleh menimbulkan keraguan dan kekeliruan dalam kalangan umat Islam sendiri yang tidak dapat menetapkan keagungan Islam atas agama-agama yang lain.

Penulis berpandangan bahawa maklumat-maklumat yang dikemukakan melalui Metode Perbandingan Deskriptif Mutlak hanya merupakan bahan mentah bagi melakukan perbandingan yang lebih mendalam terhadap agama-agama. Penulis juga mencadangkan mana-mana penulisan oleh penulis

³⁷ Namun begitu, kedapatan penulis-penulis muslim yang menganggap metode ini adalah metode yang baik kerana sifatnya yang objektif dan neutral. Lihat sebagai contoh kenyataan dalam T.H. Thalhas (2006) Pengantar Study Ilmu Perbandingan Agama, Jakarta: Galure Pase, h. 14. Penulis berpandangan bahawa ulasan-ulasan tertentu perlu ditonjolkan dalam perbahasan setiap muslim tetapi dalam masa yang sama perlu memberikan maklumat yang tepat terhadap agama lain tanpa melakukan penyelewengan atau penyataan maklumat yang tidak benar terhadap agama tersebut. Permasalahannya bukan pada metode perbandingan tetapi permasalahan sebenarnya adalah pada sikap taasub membabi buta pada yang empunya pandangan sehingga menimbulkan perasaan tidak senang pada penganut agama lain. Setiap muslim seharusnya tidak lupa akan tanggungjawabnya sebagai seorang muslim yang perlu membetulkan kebatilan dan menyampaikan amanah Allah kepada semua manusia dalam setiap ruang yang ada.

³⁸ Beberapa bentuk perbandingan deskriptif analisis dapat dilihat dalam karya al-Shahrastani, *al-Milal wa al-Nihal*. Lihat sebagai contoh dalam al-Shahrastani Muhammad bin 'Abd al-Karim (2006), *Agama dan Ideologi*. Muhammad Ramzi Omar (terj.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 168, 170, 190.

³⁹ Noresah bt. Bahrom *et al.* (2007), *op. cit.*, h. 120.

⁴⁰ Himayah, Mahmud 'Ali, (2001), *op. cit.*, h. 164.

muslim yang menggunakan Metode Deskriptif Mutlak perlu memberikan ulasan yang objektif dan telus terhadap beberapa fakta kritikal yang dikemukakan tentang agama-agama terutamanya yang boleh menimbulkan kekeliruan kepada penganut agama Islam. Sekiranya dikhuatiri ulasan yang diberikan akan mengganggu struktur penulisan, maka ulasan tersebut boleh dilakukan dalam nota kaki yang merupakan sebahagian daripada bentuk penulisan ilmiah moden. Isu ini perlu diberikan penekanan agar penulisan berkenaan Perbandingan Agama akan terus mendapat petunjuk daripada sumber wahyu hakiki, al-Quran al-Karim yang menonjolkan penggunaan Metode Perbandingan Deskriptif Analisis secara amat berkesan.

BIBLIOGRAFI

Sumber Am

Al-Quran al-Karim

The Holy Bible, Versi The New English Bible, T.T.P.: Oxford University Press.

The Holy Bible, Versi King James Version.

Sumber Buku

- ‘Abd al-Baqi, Muhammad Fu’ad (1997), *al-Mu’jam al-Mufahris Li Alfaz al-Qur’an al-Karim*, c. 4, Beirut: Dar al-Fikr.
- Abu Hayyan al-Andalusi (1995) *al-Nahr al-Mad min al-Bahr al-Muhit*, 6 j., Beirut: Dar al-Jayl.
- Sheikh Abdullah Basmeih (2001), *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qura’an*. C. 12, K.L.: Dar al-Fikr.
- Al-Alusi (2000), *Ruh al-Ma’ani*, Lubnan: Dar Ihya’ al-Turath.
- Dr. Alwi Shihab (1999), *Islam Inklusif Menuju Sikap Terbuka Dalam Beragama*, c. 6, Bandung: Penerbit Mizan.
- Al-Baydawi, ‘Abd Allah bin ‘Umar (1998), *Anwar al-Tanzil wa Asrar al-Ta’wil*, 2 j., Beirut: Dar al-Ihya’ al-Turath al-‘Arabi.
- Al-Biruni Muhammad bin Ahmad (1983) *Tahqiq Ma Li al-Hind Min Maqulah Maqbulah fi al-‘Aql aw Mardhulah*, Beirut: ‘Alam al-Kutub.
- Hamka (2003) c. 5, *Tafsir al-Azhar*, Singapore: Pustaka Nasional.
- Himayah, Mahmud ‘Ali, (2001), *Ibn Hazm: Biografi, Karya dan Kajiannya Tentang Agama-agama*. Halid Alkaf (terj.), Jakarta: Lentera.
- Ibn ‘Adil al-Hanbali (1998), *al-Lubab fi ‘Ulum al-Kitab*, 20 j., Beirut: Dar

al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Ibn ‘Ashur (t.t.), *al-Tahrir wa al-Tanwir*, T.T.P.: T. P.

Ibn Kathir Abi al-Fida’ (2000), *Tafsir al-Qur’an al-‘Azim*, 15 j., Jizah: Maktabah al-Qurtubah.

Al-Maraghi (1998), *Tafsir al-Maraghi*, Lubnan: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah
Muhammad Diya’ al-Rahman al-A‘zami (2003), *Dirasat fi al-Yahudiyyah wa al-Nasraniyyah wa Adyan al-Hind*, c. 2, Madinah: Maktabah al-Rushd.

Muhammad Rashid Rida (1999) *Tafsir al-Qur’an al-Hakim*, 10 j., Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyya.

Noresah bt. Bahrom *et al.* (2007), *Kamus Dewan*, ed. 4, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Al-Qurtubi, Muhammad bin Ahmad (2000), *al-Jami’ Li Ahkam al-Qur’an*, 18 j., Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Al-Razi, Muhammad bin ‘Umar (t.t.), *al-Tafsir al-Kabir*, 27 j., c.2, Tehran: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.

Ruslani (2000) *Masyarakat Kitab dan Dialog Antaragama*, Yogyakarta: Yayasan Bentang Budaya.

Sayyid Qutb (t.t.), *Fi Zilal al-Qur’an*, T.T.P.: T. P.

Al-Shahrastani Muhammad bin ‘Abd al-Karim (2006), *Agama dan Ideologi*. Muhammad Ramzi Omar (terj.), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pusataka.

T.H. Thalhas (2006) *Pengantar Study Ilmu Perbandingan Agama*, Jakarta: Galure Pase.

Al-Zamakhshari, Mahmud bin ‘Umar (1998), *al-Kashshaf ‘An Wujuh al-Ta’wil wa ‘Uyun al-Aqawil*, 5 j., Riyad: Maktabah ‘Abikan.

Sumber Bukan Buku

Muhammad Azizan bin Sabjan (2000), “The People of the Book and the People of Dubious Book in Islamic Religious Tradition” (Tesis Phd, ISTAC, UIAM)

Osman Bakar dalam Ucaptama yang dibentangkan di Persidangan Antarabangsa Ketamadunan Islam II anjuran Kolej Islam Darul Ridzuan di Kuala Kangsar pada 2hb Disember 2009.